



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DR. NIK AZLIN NIK ARIFIN  
KETUA PENGURUSAN KUALITI, INOVASI DAN  
KECEMERLANGAN OPERASI INQKA**

**MAJLIS PEMBUKAAN  
KONVENSYEN KIK UiTM 2023**

**23 OKTOBER 2023 (ISNIN)**

**ANJUNG SERI BUDIMAN  
UiTM SHAH ALAM**

**Bismillahirrahmannirahim.**

**Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.**

**[SALUTASI]**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari yang berbahagia ini bagi menjayakan **Konvensyen KIK Peringkat UiTM kali ke-27 tahun 2023.** Tepukan gemuruh kepada **Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam** selaku penganjur Konvensyen KIK kali ini atas pelaksanaan dan perencanaan yang teliti. Tahniah diucapkan.

**Hadirin sekalian,**

2. Pihak Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras program seperti ini. Penyertaan KIK daripada seluruh UiTM telah membuktikan warga UiTM mampu menjana idea-idea baharu melalui inovasi dan kreativiti yang sudah pastinya

dapat memberi impak dan manfaat kepada semua pihak, baik kepada universiti mahupun kepada masyarakat umum.

3. KIK memberikan penekanan terhadap konsep *knowledge based* dan *creativity driven* di dalam penghasilan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan. Justeru itu, tema kualiti dan inovasi **“Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti”** telah dipilih dalam usaha mepergiatkan pembudayaan KIK dalam kalangan warga UiTM.
4. Tema ini membuktikan bahawa warga UiTM berjaya menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi dalam membudayakan jaminan kualiti dan inovasi berdasarkan perancangan dan pelan tindakan yang sesuai dengan cabaran semasa. Justeru itu, bagi memastikan keterjaminan kualiti bagi setiap proses, sistem dan penambahbaikan berterusan dapat membantu kita semua dalam meningkatkan daya tahan yang lebih mampan dan padu.
5. Oleh itu, konvensyen kali ini diharapkan dapat mencapai objektif dalam memartabatkan idea-idea kreatif dan inovatif dalam kalangan warga UiTM ke peringkat yang lebih tinggi dan berjaya membuktikan kita mempunyai daya tahan dalam memastikan kualiti operasi berkesan dan efektif.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Seperti yang kita sedia maklum, anugerah-anugerah yang bakal dipertandingkan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penyertaan KIK yang telah memberi sumbangan idea yang kreativiti bagi penyelesaian masalah yang berkaitan seterusnya memberikan penambahbaikan secara berterusan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua peserta.
7. Besar harapan kami di INQKA agar projek - projek yang diketengahkan adalah projek yang berpotensi tinggi dan dapat membuka peluang UiTM untuk bekerjasama dengan industri luar dalam penghasilan inovasi yang bukan sahaja meningkatkan kecekapan dalam organisasi, malahan mampu melonjakkan nama UiTM dan Malaysia di persada antarabangsa.
8. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat khususnya Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam selaku penganjur Konvensyen KIK kali ke-27. Kepada semua kumpulan dan peserta yang menyertai konvensyen kali ini, Selamat Maju Jaya saya ucapkan.

**Sekian,**

**wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**